

ALOR SETAR, 28 MEI 1972 (BERNAMA) -- JAWATANKUASA BERTINDAK UMNO KEDAH YANG DI-TUBUHKAN BARU2 INI AKAN MENGADAKAN MESHUARAT-NYA YANG PERTAMA Hujung BULAN INI UNTUK MENYUSUN SEMULA PENTADBIRAN UMNO DI-PERENGKAT CHAWANGAN, BAHAGIAN DAN NEGERI.

SETIAUSAHA JAWATANKUASA ITU, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED MEMBERITAHU BERNAMA HARI INI BAHAWA MESHUARAT ITU AKAN JUGA MEMBINCHANGKAN LAIN2 MASAALAH YANG BERHUBONG DENGAN JENTERA PERGERAKAN UMNO DI-KEDAH SUPAYA PARTI ITU TERUS MENDAPAT SOKONGAN YANG BULAT DARI SELUROH RAAYAT NEGERI INI.

BELIAU BERKATA JAWATANKUASA ITU AKAN BERUSAHA MENERATKAN LAGI PERPADUAN DI-KALANGAN AHLI2 DAN PEMIMPIN2 UMNO DI-SEMUA PERENGKAT DI-SELUROH NEGERI KEDAH.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA JAWATANKUASA ITU JUGA AKAN MELATEH PEMIMPIN2 TEMPATAN SUPAYA MEREKA DAPAT MEMIMPIN DAN MENJALANKAN PENTADBIRAN BAHAGIAN DAN CHAWANGAN MASING2 DENGAN LEBEH LICHIN DAN SEMPURNA LAGI.

MENURUT-NYA, JAWATANKUASA ITU JUGA AKAN MENGADAKAN MAJLIS2 DIALOG DENGAN AHLI2 DAN PEMIMPIN2 UMNO DI-PERENGKAT CHAWANGAN DAN BAHAGIAN TIDAK LAMA LAGI. --BERSAMBONG 1135/MM

T.A. NAY